



PELAN

ANTIRASUAH

PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI
DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)

2023-2027



PELAN ANTI RASUAH

PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI
DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)

2023-2027

DITERBITKAN OLEH

UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI
DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)





“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

[Surah al-Baqarah: 188]

Perutusan Ketua Eksekutif



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Malaysia Madani, dan Salam Sabah Maju Jaya.

Pelan Antirasuah Organisasi atau *Organisational Anti-Corruption Plan* (OACP) merupakan satu inisiatif terancang seiring dengan Pelan Antirasuah Nasional (NACP). Ia juga berperanan sebagai kawalan yang efektif kepada agenda integriti untuk memperkukuhkan identiti Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) selaku agensi yang menjadi peneraju utama program pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) di Sabah. Saya percaya tanpa perlakuan rasuah dan salah guna kuasa serta tindakan penyelewengan, penyampaian perkhidmatan SEDIA akan dapat ditingkatkan bukan hanya dari segi kecekapan dan ketelusan malah akauntabiliti.

Pada masa yang sama, pemantauan dan tindakan tegas terhadap pesalah rasuah dan penyelewengan akan dapat menentukan hala tuju tadbir urus yang berintegriti dan cemerlang bagi sesebuah organisasi. SEDIA sentiasa komited untuk terus memerangi gejala rasuah yang ibarat barah kepada masyarakat.

Usaha penambahbaikan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agenda integriti yang digariskan di bawah OACP SEDIA ini sentiasa relevan dengan persekitaran SEDIA. Kita perlu terus komited dalam melaksanakan dan merealisasikan inisiatif-inisiatif yang terkandung di dalam OACP ini.

Tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan pembangunan pelan OACP SEDIA 2023 - 2027. Semoga dokumen ini dapat dijadikan rujukan serta memberi panduan kepada semua warga kerja SEDIA dalam membanteras rasuah dan menambah baik tadbir urus serta membudayakan integriti sepanjang masa. Saya juga menyeru semua warga kerja SEDIA, untuk berganding bahu bagi menjadikan negara ini sentiasa bebas daripada amalan rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan marilah berkhidmat dengan penuh berintegriti.

Sekian dan terima kasih.

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI HASHIM
BIN PAIJAN
KETUA EKSEKUTIF**

Perutusan Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Malaysia Madani, dan Salam Sabah Maju Jaya.

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah berjaya menghasilkan dan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDIA 2023 - 2027. Pelan OACP SEDIA untuk tempoh lima (5) tahun ini bertujuan untuk memastikan warga kerja dan organisasi SEDIA mendukung aspirasi dan agenda Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha membanteras salah laku gejala rasuah dan pelanggaran integriti.

Integriti merupakan kualiti asas yang perlu ada dalam jiwa setiap warga kerja SEDIA. Kelemahan nilai integriti dan gejala rasuah di kalangan warga kerja akan menjejaskan imej dan keyakinan pihak berkepentingan serta rakyat terhadap SEDIA.

Bagi memenuhi harapan pihak berkepentingan dan rakyat, sistem penyampaian perkhidmatan SEDIA perlu berteraskan nilai-nilai murni dan bersih berpaksikan kepada kecemerlangan perkhidmatan.

Inisiatif-inisiatif yang digubal dalam Pelan OACP SEDIA telah mengambil kira situasi kini dan masa hadapan bagi memastikan pembangunan organisasi SEDIA yang mampan dan bebas rasuah.

Saya mengambil kesempatan ini, untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDIA 2023 - 2027. Semoga semua pegawai dan pekhidmat SEDIA dapat menjadikan pelan ini sebagai panduan dalam usaha SEDIA dan Kerajaan memerangi gejala rasuah dan pelanggaran integriti.

Sekian dan terima kasih.

**ENCIK YUNUS GASTOM
TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF (KORPORAT)**

Perutusan Ketua Unit Integriti

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Malaysia Madani, dan Salam Sabah Maju Jaya.

Syukur alhamdulillah, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDIA 2023 - 2027 telah berjaya dihasilkan. Pelan ini sangat penting sebagai salah satu mekanisma Unit Integriti SEDIA untuk memupuk amalan integriti di kalangan warga kerja selaras dengan misi, visi, objektif dan fungsi - fungsi penubuhannya.

Seluruh warga kerja SEDIA harus membudayakan amalan integriti dan tadbir urus sepanjang masa, terutamanya dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya, warga kerja SEDIA hendaklah tidak sesekali terlibat dengan amalan negatif yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika kerja yang telah ditetapkan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 di atas komitmen, idea dan masa untuk menghasilkan pelan ini. Semoga Pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 ini dapat memberi manfaat dan penambahbaikan pembudayaan integriti kepada warga kerja SEDIA.

Sekian dan terima kasih.

**ENCIK RUSLAN BIN ISMAIL
KETUA UNIT INTEGRITI**



HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH

RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA



HENTIKAN RASUAH !!

HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH . HENTIKAN RASUAH

#TETAPLAWAN
#GENERASIBERINTEGRITITANPARASUAH

RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA . RASUAH PEMBUNUH BANGSA

1

PENGENALAN

2

ISU DAN CABARAN

3


USAHA DAN PENCEGAHAN
RASUAH

4

TADBIR URUS PELAN
OACP SEDIA

5

PENUTUP



ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1	PENGENALAN	
	Pengenalan SEDIA	3
	Visi, Misi dan Objektif SEDIA	4
	Fungsi SEDIA	5
	Struktur Organisasi SEDIA	6
	Pengurusan Tertinggi SEDIA	7
2	ISU DAN CABARAN	
	Takrif Rasuah	11
	Menangani Rasuah	12
	Penarafan Semula Risiko Agensi Tahun 2023	13
	Penilaian Risiko Rasuah	14-17
3	USAHA DAN PENCEGAHAN RASUAH	
	Keperluan Pembangunan Pelan OACP	21-22
	Kerangka Pelan OACP SEDIA	23-24
	Pelan Tindakan OACP SEDIA	25-29
4	TADBIR URUS PELAN OACP SEDIA	
	Pelaksanaan dan Pemantauan	33
	Penilaian	34
	Semakan dan Pembaharuan	34
5	PENUTUP	
	Penutup	37-43
	Sekalung Penghargaan	44-45
	Akronim	46

B A B

1

PENGENALAN




PENGENALAN SEDIA

Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) ditubuhkan melalui Enakmen Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah Bilangan 1 Tahun 2009 bagi memastikan pelaksanaan pelan-pelan yang berkesan untuk Koridor Pembangunan Sabah (SDC), menggalakkan dan memudah cara pelaburan sektor swasta serta melaksanakan projek-projek yang memanfaatkan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat di negeri Sabah.

Ditubuhkan sebagai badan berkanun negeri dengan inisiatif Persekutuan, SEDIA mempunyai peranan unik yang menghubungkan pelabur, perniagaan, Kerajaan, bakat dengan masyarakat setempat.

Peranan ini adalah penting untuk memastikan pembangunan mampan dan seimbang yang memaksimumkan kekuatan dan khazanah negeri Sabah.

Sebagai agensi peneraju SDC, Rangka Tindakan SDC 2.0 telah dikeluarkan sebagai panduan menyediakan peluang pekerjaan, menarik pelaburan, merencanakan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi melalui lima (5) Teras Strategiknya dengan tiga puluh (30) inisiatif baharu mulai tahun 2021 hingga 2030.




KERANGKA RANGKA TINDAKAN SDC 2.0 (2021 - 2030)

VISI, MISI DAN OBJEKTIF SEDIA

VISI

Pihak Berkuasa Sehenti yang responsif, berkesan, cekap dan bertanggungjawab dalam mencapai objektif SDC dengan perkongsian aktif pihak-pihak berkepentingan utama.



OBJEKTIF

1

Untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) supaya menjadi suatu wilayah ekonomi yang terkemuka dan destinasi pilihan untuk melabur, bekerja dan tempat tinggal.

2

Untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mampan diberi keutamaan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC).

FUNGSI SEDIA




Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan semua projek yang berpotensi bagi pertumbuhan ekonomi dan peluang-peluang untuk dimasukkan di dalam SDC;

Untuk menyalurkan dana yang diterima daripada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan bagi SDC kepada Entiti Kerajaan pelaksana yang berkaitan;




Untuk menyelaraskan pelaksanaan yang cepat dan cekap semua projek di dalam SDC dengan melaksanakan fungsi pusat sehenti;

Untuk memantau dan melaporkan kepada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan status semua projek di dalam SDC;



Untuk menggalakkan dan memasarkan SDC sebagai suatu lokasi perniagaan dan pelaburan yang menarik;

Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan insentif-insentif bagi SDC;




Untuk mengesyorkan kepada Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan pembaharuan dasar dan inisiatif lain bagi SDC;

Untuk mencari dana bagi SDC; dan



Untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat, berfaedah atau perlu bagi, atau yang bersampingan dengan, sebagai tambahan kepada, atau yang berbangkit daripada, pelaksanaan fungsi Pihak Berkuasa dan bagi melaksanakan maksud Enakmen lebih baik.

STRUKTUR ORGANISASI SEDIA



PENGURUSAN TERTINGGI SEDIA



DATUK SERI PANGLIMA HAJI HASHIM BIN PAIJAN

KETUA EKSEKUTIF / PEGAWAI PENGAWAL



IR. DR. CHONG VUN LEONG

TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF SEKTOR PEMBANGUNAN/
KETUA PEGAWAI PELAKSANAAN PROJEK



ENCIK YUNUS GASTOM

TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF SEKTOR KORPORAT/
KETUA PEGAWAI KEWANGAN



PUAN MARY SINTOH

NAIB PRESIDEN KANAN, PORTFOLIO TUGAS-TUGAS KHAS



ENCIK IWAN HERMAWAN BIN HAJI MASRUL

KETUA PEGAWAI PERANCANGAN STRATEGIK



ENCIK KEVIN GEORGE UKANG

KETUA PEGAWAI PELABURAN



PUAN VANESSA YONG

KETUA PEGAWAI PENGURUS PEROLEHAN DAN KONTRAK



IR. IAN WONG CHUNG YEN

KETUA PEGAWAI PENGURUS PEMBANGUNAN DAN KEJURUTERAAN



PUAN MARINA ABD GHANIE

KETUA PEGAWAI PEMBANGUNAN MODAL INSAN



ENCIK RUSLAN BIN ISMAIL

KETUA PEGAWAI PERKHIDMATAN KORPORAT



PUAN SHEILA RADIN

KETUA PEGAWAI KOMUNIKASI KORPORAT



**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI
DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)
25 MAC 2022
SABAH INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (SICC), KOTA KINABALU**

B A B

2

ISU DAN CABARAN



TAKRIF RASUAH



Dalam konteks perundangan, rasuah ditafsirkan sebagai melakukan sesuatu tindakan walhal mengetahui bahawa perbuatan yang dilakukan adalah salah dan dilakukan dengan perasaan serta niat yang jahat. Rasuah juga boleh didefinisikan sebagai “sengaja melakukan sesuatu tindakan yang ditegah oleh undang-undang”.

Rasuah merupakan satu jenayah atau kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009). “Suapan” menurut Akta 694, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 bermaksud:

- (a) Wang, derma, along, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;
- (b) Apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;
- (c) Apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;
- (d) Apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;
- (e) Apa-apa perbuatan menahan diri daripada menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;
- (f) Apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakupayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan
- (g) Apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

MENANGANI RASUAH

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CORRUPTION PERCEPTIONS INDEX - CPI)

➤ Indeks Persepsi Rasuah atau dikenali dengan singkatannya sebagai CPI (*Corruption Perception Index*) merupakan laporan kajian yang dilaksanakan oleh *Transparency International*, iaitu sebuah badan bukan kerajaan bertaraf antarabangsa. Indeks ini memberi fokus kepada persepsi responden berdasarkan pengalaman mereka dalam berurusan dengan sektor awam sesebuah negara. Dalam tempoh 2019 hingga 2022, kedudukan dan skor CPI Malaysia berbanding 180 buah negara menunjukkan trend menurun seperti gambar rajah berikut:

SKOR CPI MALAYSIA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2022

TAHUN	*SKOR	**RANK
2022	47	61
2021	48	62
2020	51	57
2019	53	51

Nota: * 100 (sangat bersih) hingga 0 (sangat rasuah)
 ** 180 negara dinilai dalam tempoh 4 tahun.

Selain daripada rasuah, skop yang termasuk dalam pengiraan CPI ini adalah persepsi terhadap penyalahgunaan dana kerajaan, kebolehan negara untuk menguatkuasakan mekanisme integriti, komitmen dalam memerangi rasuah, perlindungan terhadap pendedah maklumat dan mengambil kira keberkesanan hak asasi manusia yang tersedia dalam sesebuah negara.

Berdasarkan kepada trend menurun kedudukan dan skor CPI Malaysia menunjukkan kemerosotan persepsi pemegang taruh terhadap kebolehan negara untuk menangani amalan rasuah, mendukung hak asasi manusia dan memperkasa integriti negara.

PENARAFAN SEMULA RISIKO AGENSI TAHUN 2023

Penarafan risiko organisasi ke atas agensi awam telah dilaksanakan julung kali pada tahun 2013 melalui peruntukan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (PP Bil. 6 Tahun 2013).

Pelaksanaan penarafan risiko ini adalah usaha sama antara Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

PENGKELASAN TARAF RISIKO	
1.	Tinggi
2.	Sederhana
3.	Rendah

KONTEKS PENARAFAN RASUAH	
1.	Faktor ancaman (<i>threat</i>) bagi kesalahan rasuah
2.	Faktor kemudahterancaman (<i>vulnerability</i>), iaitu kecenderungan berlakunya kesalahan rasuah

PENILAIAN RISIKO RASUAH

Dalam membantu usaha mengenal pasti risiko-risiko yang berupaya menyumbang ke arah kelemahan tadbir urus dan rasuah, penilaian risiko rasuah dibuat berdasarkan analisis data yang diperolehi daripada pelbagai sumber dalaman dan luaran. Beberapa mekanisme telah digunakan untuk membuat penilaian terhadap risiko rasuah seperti berikut:

- 1) Menganalisis data-data berkaitan risiko rasuah
- 2) Membuat semakan data-data dalaman SEDIA
- 3) Membuat semakan data-data daripada statistik SPRM

MENGANALISIS DATA-DATA BERKAITAN RISIKO RASUAH

➤ Seramai enam (6) orang pegawai risiko telah dilantik merangkumi pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Pegawai-pegawai ini telah menghadiri taklimat Bengkel Pembangunan Pelan Risiko Rasuah (CRA) dan Pelan Antirasuah Organisasi Agensi (OACP) yang dikendalikan oleh Bahagian Integriti dan Governans Negeri Sabah (BIGONS), Jabatan Ketua Menteri pada 12 Januari 2023 secara atas talian. Manakala, Bengkel Fasa Kedua CRA dan OACP telah diadakan pada 7 hingga 10 Februari 2023, bertempat di Dewan Bankuasi, Aras 26, Blok A, Menara Kinabalu.

Seterusnya, Bengkel Fasa Ketiga CRA dan OACP pula telah dilaksanakan pada 16 hingga 17 Mac 2023, bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Tingkat 26, Menara Tun Mustapha.

Hasil daripada bengkel tersebut, sebanyak 62 risiko rasuah telah dikenal pasti (merangkumi risiko tinggi, sederhana dan rendah) dan penilaian risiko telah diklasifikasikan kepada empat kategori risiko rasuah iaitu:

- Kelemahan tatacara/ prosedur yang membuka ruang kepada ketidakpatuhan/ penyelewengan/ rasuah dan pemalsuan.
- Penyalahgunaan kuasa.
- Pegawai terdedah kepada tawaran atau meminta suapan.
- Kebocoran maklumat secara sengaja.

MEMBUAT SEMAKAN DATA-DATA DALAMAN SEDIA


➤ Unit Integriti (UI) SEDIA telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Anggota Pihak Berkuasa SEDIA pada 22 Disember 2022. Berdasarkan semakan rekod, tidak terdapat sebarang aduan secara bertulis diterima atau tindakan diambil berkaitan rasuah, integriti dan tadbir urus setakat 31 Mei 2023.

PENILAIAN RISIKO RASUAH

MEMBUAT SEMAKAN DATA-DATA DARIPADA STATISTIK SPRM

➤ Berdasarkan statistik data pesalah rasuah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ringkasan salah laku mengikut kategori di Malaysia adalah seperti carta 1 hingga 3:

Carta 1: Statistik Data Pesalah Mengikut Kategori bagi Tahun 2020:



Carta 2: Statistik Data Pesalah Mengikut Kategori bagi Tahun 2021:




PENILAIAN RISIKO RASUAH

Carta 3: Statistik Data Pesalah Mengikut Kategori bagi Tahun 2022:



Berdasarkan statistik data pesalah rasuah daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ringkasan salah laku mengikut kategori di Malaysia adalah seperti carta 1 hingga 3:



PENILAIAN RISIKO RASUAH

Hasil kajian Azman, Nur Wahida, Lutfi, Syed Mohd Najib dan Setiyawan, (2022), dalam “Analisis faktor-faktor gejala rasuah dan cabaran menanganinya di Malaysia” mendapati bahawa faktor dalaman menyebabkan seseorang melakukan rasuah adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti. Manakala faktor luaran adalah disebabkan oleh gaji yang rendah, tekanan kewangan dan tekanan kerja serta dasar negara yang kurang efektif. Faktor-faktor ini memainkan peranan dalam peningkatan salah laku integriti dalam sektor swasta mahupun sektor awam.

Pelbagai langkah telah diambil oleh SPRM bagi mencegah kegiatan rasuah dalam sektor awam seperti mengesan risiko rasuah dalam amalan, sistem dan prosedur, memberi khidmat nasihat, mendidik orang ramai agar menentang rasuah serta memelihara sokongan mereka dalam memerangi rasuah. SPRM turut menyediakan modul dan mengadakan bengkel Pelan Pengurusan Risiko Rasuah, membangunkan pelan antirasuah organisasi (OACP), Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan pengurusan integriti agensi bagi sektor awam.





RASUAH ROSAKKAN NEGARA !!



B A B

3

**USAHA DAN
PENCEGAHAN RASUAH**

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN OACP

PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) DAN MATLAMATNYA

Pada 29 Januari 2019 yang lalu, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali dengan NACP. Pelan NACP ini merupakan dasar untuk memerangi rasuah yang mencerminkan harapan tinggi rakyat untuk melihat negara ini bebas rasuah serta mengamalkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti tinggi.

Pengubalan pelan ini adalah selaras dengan Artikel 5 Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Memerangi Rasuah (UNCAC) yang mana Malaysia merupakan salah sebuah negara anggota. Visi utama pelancaran NACP ini adalah untuk mewujudkan negara bebas rasuah melalui penetapan tiga matlamat khusus iaitu:



Melalui kerjasama dengan pelbagai pihak dalam menangani rasuah ini, Kerajaan bertekad untuk mewujudkan senario baru dalam negara, iaitu berasaskan prinsip ketelusan, kebertanggungjawaban dan nilai integriti. Ini akan meningkatkan keyakinan rakyat dan seterusnya membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi di pentas dunia.

KEPERLUAN PEMBANGUNAN PELAN OACP



Pelan OACP SEDIA Tahun 2023 - 2027 ini dibangunkan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional atau *National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019 - 2023* yang telah dirangka oleh Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) bagi mewujudkan negara yang bebas rasuah. Ini juga selari dengan arahan YAB. Ketua Menteri Sabah semasa pelancaran Buku Semakan Semula Pelan Antirasuah (PAR JKM) 2019 - 2023 pada 1 September 2022.

Di bawah inisiatif 2.1.5 Pelan NACP 2019 - 2023, Kerajaan mewajibkan sektor awam termasuklah badan berkanun Kerajaan untuk membangunkan pelan OACP masing-masing.

Pelan OACP merangkumi isu-isu dalam organisasi yang relevan berkaitan kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah.

Justeru itu, pembangunan pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 adalah sebagai sebuah dokumen dasar antirasuah peringkat organisasi mengatasi kelemahan tadbir urus dan integriti serta potensi berlakunya salah laku rasuah di kalangan warga kerja SEDIA.



KERANGKA PELAN OACP SEDIA



KERANGKA PELAN OACP SEDIA

STRATEGI



PEMBANGUNAN PROJEK SDC

1 Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan dengan menerapkan budaya integriti, tadbir urus yang baik dan antirasuah dalam pengurusan projek-projek pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC).



PEROLEHAN

2 Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan perolehan SEDIA.




KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN KORPORAT

3 Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat SEDIA.




PEMBANGUNAN PELABURAN

4 Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan data dan aktiviti-aktiviti promosi dan menarik pelaburan di dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC).



PELAN TINDAKAN OACP SEDIA

Pelan Tindakan OACP SEDIA 2023 - 2027 disediakan untuk memastikan SEDIA dan warga kerjanya adalah bebas daripada gejala dan amalan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan. SEDIA telah mengenal pasti empat (4) bidang keutamaan yang menjadi teras dalam usaha memperkukuh antirasuah, integriti dan tadbir urus yang baik seperti berikut:



PELAN TINDAKAN OACP SEDIA

SEDIA juga telah mengenal pasti strategi dan inisiatif bagi setiap bidang keutamaan, merangkumi strategi dan inisiatif dalam:-

- Bidang Keutamaan 1 (Pembangunan Projek SDC)
- Bidang Keutamaan 2 (Perolehan)
- Bidang Keutamaan 3 (Kewangan dan Perkhidmatan Korporat)
- Bidang Keutamaan 4 (Pembangunan Pelaburan).

BIDANG KEUTAMAAN 1

PEMBANGUNAN PROJEK SDC

STRATEGI	OBJEKTIF
Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan dengan menerapkan budaya integriti, tadbir urus yang baik dan antirasuah dalam pengurusan projek-projek pembangunan Koridor Pembangunan Sabah (SDC).	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti melalui pembangunan modal insan yang kompeten dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. • Membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan projek-projek pembangunan SDC.

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Melaksanakan pemeriksaan mengejut dan pemantauan silang terhadap pematuhan proses kerja dan kemajuan dalam pengurusan projek pembangunan SDC.	CE, DCE(D), PIS dan Unit Audit Dalam	Sekali setahun
2.	Mewujudkan atau mengemaskinikan Senarai Semak kawalan dalaman berkaitan pengurusan pembangunan projek SDC.	DCE(D), PIS dan UI SEDIA	Sekali setahun
3.	Mewajibkan kursus pengurusan projek dan perolehan secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	CE, DCE(D), DCE(C), PIS dan CSS	Berterusan
4.	Melaksanakan pusingan kerja bagi mengelakkan konflik berkepentingan dan pembangunan kerjaya warga kerja SEDIA.	CE, DCE(D), DCE(C), dan CSS	Mengikut garis panduan dan keperluan semasa
5.	Mewujudkan atau mengemaskinikan garis panduan pengurusan aduan dalaman SEDIA.	CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
6.	Menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memperkukuh kesedaran warga kerja SEDIA melalui hebahan, seminar dan latihan berkaitan antirasuah, salah guna kuasa dan potensi penyelewengan.	DCE(C), CSS dan UI SEDIA	Berterusan

PELAN TINDAKAN OACP SEDIA

BIDANG KEUTAMAAN 2

PEROLEHAN

STRATEGI	OBJEKTIF
Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan perolehan SEDIA.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti melalui pembangunan modal insan yang kompeten dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan perolehan projek-projek pembangunan SDC.

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Melaksanakan pemeriksaan mengejut dan pemantauan silang terhadap pematuhan proses kerja dan kemajuan dalam pengurusan perolehan.	CE, DCE(D), DCE(C), FMS, PIS, CSS dan Unit Audit Dalam	Sekali setahun
2.	Mewujudkan atau mengemaskinikan Senarai Semak kawalan dalaman berkaitan pengurusan perolehan.	DCE(C), FMS, PIS, CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
3.	Mewajibkan kursus pengurusan perolehan secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	CE, DCE(C), FMS, PIS dan CSS	Berterusan
4.	Melaksanakan pusingan kerja bagi mengelakkan konflik berkepentingan dan pembangunan kerjaya warga kerja SEDIA	CE, DCE(D), DCE(C), FMS, PIS dan CSS	Mengikut garis panduan dan keperluan semasa
5.	Mewujudkan atau mengemaskinikan garis panduan pengurusan aduan dalaman SEDIA.	CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
6.	Menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memperkukuh kesedaran warga kerja SEDIA melalui hebahan, seminar dan latihan berkaitan antirasuah, salah guna kuasa dan potensi penyelewengan.	DCE(C), CSS dan UI SEDIA	Berterusan

PELAN TINDAKAN OACP SEDIA

BIDANG KEUTAMAAN 3
KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN KORPORAT

STRATEGI	OBJEKTIF
Memperkukuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat SEDIA.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti melalui pembangunan modal insan yang kompeten dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Melaksanakan pemeriksaan mengejut dan pemantauan silang terhadap pematuhan proses kerja dan kemajuan dalam pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat.	CE, DCE(C), FMS, CSS dan Unit Audit Dalam	Sekali setahun
2.	Mewujudkan atau mengemaskinikan senarai Semak kawalan dalaman berkaitan pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat.	DCE(C), FMS, CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
3.	Mewajibkan kursus pengurusan kewangan dan perkhidmatan korporat secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	CE, DCE(C), FMS dan CSS	Berterusan
4.	Melaksanakan pusingan kerja bagi mengelakkan konflik berkepentingan dan pembangunan kerjaya warga kerja SEDIA.	CE, DCE(C), FMS dan CSS	Mengikut garis panduan dan keperluan semasa
5.	Mewujudkan atau mengemaskinikan garis panduan pengurusan aduan dalaman SEDIA.	CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
6.	Menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memperkukuh kesedaran warga kerja SEDIA melalui hebahan, seminar dan latihan berkaitan antirasuah, salah guna kuasa dan potensi penyelewengan.	DCE(C), CSS dan UI SEDIA	Berterusan

PELAN TINDAKAN OACP SEDIA

BIDANG KEUTAMAAN 4

PEMBANGUNAN PELABURAN

STRATEGI	OBJEKTIF
Memperkuh pengetahuan, kesedaran, kecekapan, ketelusan dan integriti dalam pengurusan data dan aktiviti-aktiviti promosi dan menarik pelaburan di dalam Koridor Pembangunan Sabah (SDC).	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan integriti, ketelusan, akauntabiliti melalui pembangunan modal insan yang kompeten dan mempunyai kredibiliti yang tinggi. Membanteras gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam pengurusan data, program dan promosi pelaburan di dalam Koridor Pembangunan Sabah.

BIL.	INISIATIF	TANGGUNGJAWAB	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Melaksanakan pemeriksaan mengejut dan pemantauan silang terhadap pematuhan proses kerja dan kemajuan dalam pengurusan pembangunan pelaburan.	CE, DCE(D), IDS dan Unit Audit Dalam	Sekali setahun
2.	Mewujudkan atau mengemaskinikan Senarai Semak kawalan dalaman berkaitan pengurusan pembangunan pelaburan.	DCE(D), IDS dan UI SEDIA	Sekali setahun
3.	Mewajibkan kursus pengurusan data dan pemantauan pelaburan yang bersesuaian secara berterusan kepada pegawai yang bertanggungjawab.	CE, DCE(C), IDS dan CSS	Berterusan
4.	Melaksanakan pusingan kerja bagi mengelakkan konflik berkepentingan dan pembangunan kerjaya warga kerja SEDIA.	CE, DCE(D), DCE(C), IDS dan CSS	Mengikut garis panduan dan keperluan semasa
5.	Mewujudkan atau mengemaskinikan garis panduan pengurusan aduan dalaman SEDIA.	CSS dan UI SEDIA	Sekali setahun
6.	Menjalankan aktiviti-aktiviti yang dapat memperkuh kesedaran warga kerja SEDIA melalui hebahan, seminar dan latihan berkaitan antirasuah, salah guna kuasa dan potensi penyelewengan.	DCE(C), CSS dan UI SEDIA	Berterusan

B A B

4

**TADBIR URUS PELAN
OACP SEDIA**

PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Visi, misi dan matlamat pelan Tindakan OACP SEDIA 2023 – 2027 dapat dicapai dengan penglibatan aktif dan kerjasama semua peringkat warga kerja SEDIA, termasuklah Pengurusan Tertinggi, pegawai dan pekhidmat sokongan serta pemegang taruh seiring dengan Pelan NACP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP SEDIA 2023 – 2027 ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

JAWATANKUASA ANTIRASUAH SEDIA

- Berfungsi sebagai mekanisma tertinggi bagi membincangkan pelaksanaan dan pematuhan pelan OACP SEDIA.
- Menasihati dan mengenal pasti penyelesaian terbaik untuk pelan OACP SEDIA.
- Membuat keputusan dan menetapkan dasar pelan OACP SEDIA.

SEKRETARIAT UNIT INTEGRITI SEDIA

- Berperanan sebagai sekretariat bagi memantau, menilai dan melaporkan pencapaian pelan OACP SEDIA kepada JAR-JKM/ JAR-KE/ BPIA setiap suku tahun.

PENYELARASAN (BIGONS/JAR-JKM/ JAR-KE/BPIA)

- Memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan.
- Memastikan laporan pencapaian pelaksanaan pelan OACP SEDIA dikemukakan kepada UI SEDIA pada setiap suku tahun.

PENILAIAN

Sekretariat dan Jawatankuasa Antirasuah SEDIA hendaklah menjalankan penilaian terhadap keberkesanan pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 setiap tahun. Penilaian ini dilaksanakan dengan tujuan seperti berikut:

1. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif.
2. Menilai sama ada inisiatif sedia ada menyokong ke arah objektif yang ingin dicapai.
3. Memastikan bahawa inisiatif dilaksanakan mengikut perancangan.
4. Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi sekiranya diperlukan.

SEMAKAN DAN PEMBAHARUAN

Pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 telah dirancang dan dilaksanakan mengikut tempoh masa pelaksanaan untuk memastikan strategi dan inisiatif yang ditetapkan berupaya menangani gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di peringkat organisasi SEDIA.

Sebarang perubahan dan pembaharuan pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 akan dilaksanakan pada akhir tempoh pelan ini. Penerbitan pelan OACP SEDIA yang baharu hendaklah mengambil kira dasar dan keutamaan pihak Kerajaan dan tahap risiko rasuah pada masa hadapan.



B A B

5

PENUTUP

PENUTUP

Agenda pementapan dan penguksuhan tadbir urus, integriti dan antirasuah yang dilaksanakan oleh Kerajaan merupakan satu usaha yang jelas dalam memerangi isu-isu kelemahan tadbir urus, integriti dan rasuah. Seiring dengan komitmen Kerajaan dalam pelan NACP, SEDIA mengorak langkah dan menzahirkan komitmen tersebut dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SEDIA tahun 2023 - 2027.

Pelan ini telah menggariskan empat (4) bidang keutamaan, empat (4) strategi dan dua puluh empat (24) inisiatif utama untuk menangani risiko rasuah, kelemahan tadbir urus dan integriti di kalangan warga kerja SEDIA. Untuk mencapai objektif pelan OACP SEDIA 2023 - 2027 ini, kerjasama erat dan komitmen yang tinggi daripada semua peringkat pengurusan, pegawai dan pekhidmat sokongan amatlah diperlukan. Dengan strategi dan inisiatif-inisiatif yang telah ditetapkan akan dapat mencegah, dan menangani gejala rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan daripada berlaku di dalam organisasi SEDIA.



FASA 2 BENGKEL PEMBANGUNAN PENILAIAN RISIKO RASUAH (CRA) DAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) AGENSI DI BAWAH JABATAN KETUA MENTERI SABAH (7-10 FEBRUARI 2023)



FASA 3 BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN RISIKO RASUAH (CRA) DAN PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) BAGI 16 AGENSI DI BAWAH JABATAN KETUA MENTERI SABAH (16-17 MAC 2023)



PROGRAM ASPIRING FIT INTEGRITI TAHUN 2023
11 MAC 2023
PANTAI TANJUNG ARU, KOTA KINABALU



**PROGRAM ASPIRING FIT INTEGRITI TAHUN 2023
11 MAC 2023
PANTAI TANJUNG ARU, KOTA KINABALU**



**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN
EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)
25 MAC 2022
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC), KOTA KINABALU**



**MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN
EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)
25 MAC 2022
SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE (SICC), KOTA KINABALU**



SEKALUNG PERHARGAAN

KEPADA

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PELAN OACP SEDIA 2023 - 2027



PENASIHAT

YBHG. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HASHIM BIN PAIJAN

PENGERUSI

YBRS. ENCIK YUNUS GASTOM

AHLI JAWATANKUASA

ENCIK RUSLAN BIN ISMAIL
CIK SALINA BINTI ZAIM
PUAN FIFFY KHAZRINA YANTY BINTI ABDILLAH
CIK ANNATHASIA ANNALEE JOIS
PUAN GRACE MIMIE THOMAS
PUAN KHAIRUNNISA ABDULLAH
PUAN SYAMIMI MORSID
PUAN DK MASWIN AG. MATUSIN

SEKRETARIAT

UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)

SEKALUNG PERHARGAAN

KEPADA

SIDANG REDAKSI



PENAUNG

YBHG. DATUK SERI PANGLIMA HAJI HASHIM BIN PAIJAN

PENASIHAT

YBRS. ENCIK YUNUS GASTOM

KETUA EDITOR

ENCIK RUSLAN BIN ISMAIL

PASUKAN EDITOR

CIK SALINA BINTI ZAIM
PUAN FIFFY KHAZRINA YANTY BINTI ABDILLAH
CIK ANNATHASIA ANNALEE JOIS
PUAN GRACE MIMIE THOMAS
PUAN KHAIRUNNISA ABDULLAH
PUAN SYAMIMI MORSID
PUAN DK MASWIN AG. MATUSIN

SEKRETARIAT

UNIT INTEGRITI
PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)

AKRONIM

AG	<i>ATTORNEY GENERAL</i>
CE	KETUA EKSEKUTIF
DCE(D)	TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN)
DCE(C)	TIMBALAN KETUA EKSEKUTIF (KORPORAT)
KUI	KETUA UNIT INTEGRITI
PI	PEGAWAI INTEGRITI
UI	UNIT INTEGRITI
PIS	SEKSYEN PELAKSANAAN PROJEK
FMS	SEKSYEN PENGURUSAN KEWANGAN
CSS	SEKSYEN PERKHIDMATAN KORPORAT
IDS	SEKSYEN PEMBANGUNAN PELABURAN
PAR	PELAN ANTIRASUAH
CPI	INDEKS PERSEPSI RASUAH
ABMS	<i>ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM</i>
BPA	BIRO PENGADUAN AWAM
SOP	<i>STANDARD OPERATING PROCEDURES</i>
PSCR	<i>PUBLIC SERVICE CORRUPTION RANKING</i>
KE	KEMENTERIAN EKONOMI
JKM	JABATAN KETUA MENTERI
SPRM	SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
NACP	<i>NATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN</i>
NGO	<i>NON-GOVERNMENT ORGANIZATION</i>

MAKLUMAT DAN ADUAN BERKUALITI

LAPORKAN RASUAH : 1-800-88-6000



KEWAJIPAN MELAPORKAN **RASUAH**

Sistem Pengurusan Aduan (CMS)
portaladuan.sprm.gov.my

Kunjungi mana-mana pejabat SPRM yang berhampiran
www.sprm.gov.my

Emelkan maklumat rasuah kepada:
info@sprm.gov.my

Talian bebas ke:
1800-88-6000

Hantarkan info rasuah melalui teks ke talian:
+603-8870 0934

Muatlahk info rasuah melalui aplikasi MACC Mobile:
Apps Store atau Google Play

Hantarkan info rasuah melalui SMS ke talian:
+6019-6000 696

Poskan surat ke alamat SPRM:
Peti Surat 6000

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



www.sprm.gov.my



1 800 88 6000





**PELAN ANTIRASUAH
PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI
DAN PELABURAN SABAH (SEDIA)
2023 - 2027**

UNIT INTEGRITI SEDIA

SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT AND INVESTMENT AUTHORITY (SEDIA)

P.O BOX 17251, 88873 KOTA KINABALU.

www.sedia.com.my